



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 05/10

DAKWAAN PEMBABITAN ANGGOTA TENTERA
DALAM PEMILIHAN PARTI POLITIK DI SELANGOR

Kementerian Pertahanan mengambil maklum berhubung laporan media yang mendakwa 30 individu dihalang daripada mengundi ketika proses pemilihan sebuah parti politik kerana dipercayai memegang kad pengenalan tentera pada 21 Oktober 2018 (Ahad).

Hasil daripada penelitian yang dijalankan, maklumat laporan yang dinyatakan didapati bercanggah dengan laporan polis yang dibuat oleh petugas parti politik tersebut. Seramai tujuh (7) individu yang didakwa pemegang kad pengenalan tentera atau 'pengundi hantu' telah disiasat oleh pihak polis. Maklumat awal yang diperolehi, didapati tujuh (7) individu tersebut bukanlah terdiri dari anggota tentera.

Bagaimanapun, Kementerian Pertahanan memandang serius dakwaan tersebut yang melibatkan anggota tentera. Memandangkan laporan polis telah dibuat, pihak Kementerian Pertahanan akan menunggu hasil siasatan oleh PDRM. Sekiranya didapati benar terdapat anggota tentera terlibat dalam insiden yang dinyatakan, tindakan disiplin sewajarnya akan diambil ke atas mereka berdasarkan perkara yang termaktub di dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bil 3/1972 serta arahan semasa dari markas setiap perkhidmatan yang melarang penglibatan anggota ATM dalam kegiatan politik dan pilihanraya.

-tamat-

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
22 Oktober 2018